

31 JUL 1996  
Dailog-Lanka  
MENTERI LUAR SRI LANKA GAMATKAN DIALOG LANGKAWI

Oleh: Azman Ujang

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Kebanyakan persidangan antarabangsa akan diingati kerana ungkapan yang menggeli hati oleh para perwakilan bertujuan menceriakan suasana monoton akibat ucapan serius.

Dialog Antarabangsa Langkawi tiga hari yang berakhir hari ini tidak terkecuali.

Orang yang menggamatkan suasana ialah Menteri Luar Sri Lanka Lakshman Kadirgamar, yang juga merupakan peserta paling akhir mendaftar untuk dialog itu.

Kadirgamar, yang hanya tiba di sini malam semalam dari Colombo pada mulanya berdiam diri pada keseluruhan sesi hari ini, rupa-rupanya seorang "penglipur lara" dengan kata-katanya yang sungguh menggelikan hati sehingga membuat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berkata agak sukar bagi beliau untuk melupakannya.

Dr Mahathir tertarik dengan andaian yang dibuat oleh Kadirgamar mengenai keresahan politik di negara-negara Asia Selatan seperti Sri Lanka dan India bahawa "demokrasi telah di situ lintang pukang".

Kadirgamar memulakan ucapannya dengan berkata oleh kerana Dr Mahathir baru saja menyambut ulangtahun ke 15 jawatannya, Sri Lanka ingin sangat hendak mengetahui rahsia Dr Mahathir's mengenai bagaimana menubuhkan kerajaan yang stabil.

Kata beliau di India dan Sri Lanka, pilihan raya diadakan dari semasa ke semasa dan menjadi perkara biasa bagi kerajaan untuk menang atau kalah.

"Demokrasi di India dan Sri Lanka nampaknya berkecamuk. Pihak media tidak boleh dikawal. Kami inginkan satu pulau pemuafakatan wujud dalam lautan keresahan politik," kata beliau disambut dengan gelak ketawa dari para peserta yang termasuk ketua-ketua kerajaan, pemimpin korporat dan menteri-menteri.

"Memang benar kami telah berjaya mewujudkan satu demokrasi yang lama dan segar di Sri Lanka dan India tetapi malangnya satu-satunya peranan pihak pembangkang di sana ialah untuk menjatuhkan kerajaan dengan menghabiskan semua wang dan masa mereka untuk tujuan itu," kata beliau.

Hadirin ketawa terbahak-bahak apabila beliau berkata: "Apa kata kalaulah kerajaan yang memilih rakyatnya."

Kadirgamar berkata dalam melalui sesi dialog itu, konsep "perkongsian bijak" antara kerajaan dan perniagaan disebut-sebut oleh para perwakilan yang ghairah untuk mencapai keadaan agar semua pihak memperolehi kejayaan.

Tetapi, katanya, yang beliau agak ragu-ragu sama ada konsep ini akan berjaya di Sri Lanka ialah kerana sektor swastanya berbelah bahagi menyokong parti-parti politik.

"Ada sesetengah syarikat yang menyokong satu parti manakala yang lain menyokong parti-parti lain. Ada juga yang memberi sokongan kepada semua parti," kata beliau.

Sambil beralih kepada Dr Mahathir yang beliau sifatkan sebagai pendorong paling utama yang mendorong beliau untuk hadir di sini walaupun di saat terakhir, Kadirgamar memuji Perdana Menteri Malaysia itu dan menyifatkan beliau sebagai pengamal "perkongsian bijak" yang ulung dalam dunia.

"Tuan Perdana Menteri, saya datang ke sini untuk mendapatkan nasihat bagaimana tuan berjaya menjadikan Malaysia cemerlang."

Beliau menyebabkan para peserta ketawa apabila beliau menambah: "Tetapi, tolong tuan, jangan beri nasihat kepada saya di khalayak ramai."

Beliau berkata walaupun dengan keresahan politik di negara-negara Asia

Selatan, rakyat negara-negara itu tidak akan menukar sistem politik mereka kepada sistem lain walau dalam keadaan apa sekalipun.

"Mereka nampaknya suka dengan keadaan ini kerana di sana politik adalah sukan. Dan izin saya menambah, sukan orang miskin," katanya.

Dr Mahathir, yang mempengerusikan sesi penutupan itu berkata beliau gemar mendengar kata-kata Kadirgamar, terutamanya mengenai demokrasi bercelaru.

"Tetapi oleh kerana Menteri Luar itu mahukan nasihat saya secara persendirian, saya tidak akan memberitahu tuan-tuan semua," kata beliau, sekali lagi disambut dengan gelak ketawa hadirin.

Dalam ucapan penutupannya Perdana Menteri juga berkata rakyat Malaysia bekerja dengan pantas untuk membantu membangunkan negara mereka.

Secara berjenaka beliau berkata ini ialah oleh sebab "perdana menteri Malaysia telah lanjut usia dan mahu melihat hasil sebelum dia bersara".

Dr Mahathir, yang berusia 71 tahun, berkata Wawasan 2020 yang akan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 tidak mungkin membolehkan beliau melihat hasilnya.

"Ketika itu saya sudah tidak ada lagi. Oleh itu sekiranya ia tidak berhasil, salahkan orang lain," kata beliau. -- BERNAMA

AU WAT MAI